

IPT diarah bentuk jawatankuasa khas elak H1N1 merebak

Langkah segera pastikan 15,000 pelajar dari luar negara bagi sesi pengajian baru bebas virus

Oleh Syuhada Choo Abdullah
choo@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Semua institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta diarah membentuk jawatankuasa khas bagi menghadapi ancaman wabak Influenza A (H1N1) menjelang bermulanya sesi pengajian 2009/2010 bulan depan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata langkah segera itu perlu diambil bagi memastikan semua pelajar termasuk kira-kira 15,000 pelajar baru dari luar negara yang akan mendaftar bagi sesi berkenaan bebas daripada virus berkenaan.

Katanya, jawatankuasa itu antara lain akan bertanggung jawab membuat pemantauan rapi dan mengesan sebarang kes membabitkan simptom wabak berkenaan di kalangan

pelajar mereka, sekali gus mengambil tindakan segera untuk membendung penularan.

Selain itu, katanya pihak pengurusan IPT awam dan swasta juga diminta memaklumkan langkah pencegahan wabak Influenza A dalam surat tawaran kemasukan kepada pelajar terbabit, terutama mereka dari negara yang terjejas dengan virus berkenaan.

“Langkah persediaan itu amat penting, lebih-lebih lagi ada kira-kira 70,000 pelajar antarabangsa sedia ada di IPTA dan IPTS seluruh negara yang sedang bercuti serta dijadualkan kembali mengikuti kuliah di kampus apabila sesi pengajian bermula tidak lama lagi.

“Kita tidak tahu sama ada pelajar terbabit pulang ke negara mereka pada musim cuti ini atau duduk di Malaysia saja sebelum kembali mengikuti pengajian di IPT masing-masing. Kita berharap tidak

akan berlaku sebarang insiden (jangkitan),” katanya.


Mohamed Khaled berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Matematik Asia Kelima (AMC 2009) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam sebagai mengulas langkah yang perlu diambil IPT bagi mengawal wabak Influenza.

Beliau berkata, semua IPT juga diarah berjaga-jaga dan membuat persediaan menghadapi ancaman wabak H1N1 bagi mengelak sesi pengajian terjejas jika ada pelajarnya yang dijangkiti virus berkenaan.

“Adalah perlu untuk semua IPT membentuk jawatankuasa khas ini pada peringkat masing-masing bagi memantau, melihat serta mengesan, sekali gus bertindak segera jika ada berlaku apa-apa masalah (jangkitan),” katanya.



CIS A-LEVELS



1933

SRI CEMPAKA CHERAS

INTERNATIONAL SCHOOL

SEORANG ibu membawa anaknya pulang dari Sekolah Antarabangsa Sri Cempaka, Cheras.

Kenal pasti kaedah sesuai periksa suhu badan

DARI MUKA 1

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Mohd Ismail Merican, berkata Sekolah Antarabangsa Sri Cempaka, Cherar diarah ditutup sehingga Sabtu ini, manakala Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) Assunta 1, Petaling Jaya selama seminggu.

Sebelum ini, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Jalan Davidson, Kuala Lumpur dan SRK Assunta 2, Petaling Jaya diarah ditutup selama seminggu.

Tiga lagi sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Damansara Utama, Petaling Jaya, SMK Seksyen 9 Shah Alam dan Sekolah Menengah Wangsa Maju Seksyen 2, Kuala Lumpur kekal dengan penutupan satu kelas bagi tempoh tujuh hari.

Dr Ismail berkata, cadangan mewajibkan pelajar menjalani pemeriksaan suhu badan akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menangani Penula-

ran H1N1 bersama Kementerian Pelajaran, hari ini.

"Kita akan mengenal pasti kaedah paling sesuai dan mudah untuk guru memeriksa suhu badan pelajar. Sekiranya semua pihak bersetuju, kita akan membekalkan termometer kepada guru bagi mengesan pelajar yang menunjukkan tanda demam," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya juga sudah memaklumkan kepada Kementerian Pelajaran supaya mengarahkan semua warga sekolah yang baru pulang dari Australia, Filipina, Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) supaya tidak ke sekolah dalam tempoh tujuh hari.

"Langkah itu perlu kerana kebanyakan kes import H1N1 dibawa masuk dari empat negara berkenaan. Kita juga mengarahkan semua yang terbit mengkuarantin diri sendiri, iaitu dengan berkurung di rumah masing-masing sepanjang tempoh itu," katanya.

Dr Ismail berkata, daripada

10 kes terbaru, dua adalah penularan tempatan masing-masing pelajar Sekolah Antarabangsa Seri Cempaka dan SJKC Jalan Davidson, manakala lapan kes import membabitkan lima rakyat Malaysia serta masing-masing seorang warga Yaman, Switzerland dan Itali.

"Kes ke-62 adalah seorang pelajar lelaki warga tempatan berusia 16 tahun dan dia adalah kontak kepada kes ke-42, iaitu pelajar Sekolah Antarabangsa Sri Cempaka yang disahkan positif H1N1," katanya.

Mangsa ke-62 itu yang juga kes jangkitan tempatan kelapan, mengalami demam, batuk dan sakit tekak pada Sabtu lalu dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh keesokannya serta disahkan positif semalam.

Dr Ismail berkata, seorang pelajar lelaki berusia 11 tahun dari SJKC Jalan Davidson pula adalah kontak dengan seorang rakannya yang disahkan positif H1N1, dua hari lalu.

Mangsa ke-66 itu mengadu mengalami demam, batuk dan sakit tekak sebelum dimasuk-

kan ke Hospital Sungai Buloh dan disahkan positif, kelmarin.

Kes import pula ialah:

- Budak perempuan berusia 5 tahun 9 bulan yang baru pulang dari California, AS dengan pesawat Cathay Pacific (CX 873) dan transit di Hong Kong sebelum tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Jumaat lalu;

- Pelajar perempuan warga tempatan berusia 14 tahun yang tiba dari Melbourne, Australia, Khamis lalu dengan menaiki pesawat MH148;

- Lelaki berusia 23 tahun yang pulang dari Melbourne, Jumaat lalu dengan pesawat MH128 sebelum meneruskan perjalanan ke Kuching melalui penerbangan MH2504;

- Budak perempuan berusia 5 tahun 8 bulan yang menetap di Manila dan kembali ke Malaysia bersama ibunya pada 20 Jun lalu dengan penerbangan MH705 sebelum menyambung perjalanan ke Pulau Pinang menerusi pesawat MH1166;

- Lelaki berumur 42 tahun

yang pulang dari Manila dengan pesawat Cebu Pacific Airways 5J 501 pada 18 Jun;

- Lelaki warga Yaman berumur 24 tahun yang bertolak dari Bangkok ke Malaysia pada 19 Jun menaiki penerbangan AirAsia AK 342;

- Lelaki warga Switzerland berumur 54 tahun yang ke Malaysia bersama isteri menaiki penerbangan Singapore Airlines SQ 118; dan

- Pelajar lelaki warga Itali berusia 19 tahun yang menaiki pesawat MH148 dari Melbourne dan tiba di KLIA pada 21 Jun.

Dr Ismail berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan sehingga jam 8 pagi semalam jumlah terkumpul kes H1N1 yang dilaporkan adalah sebanyak 52,687 kes dengan 231 kematian dari 99 negara, iaitu pertambahan 7,709 kes.

Negara yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah AS (3,594), Chile (1,190), Kanada (805), United Kingdom (754) dan Australia (297).

200,000 dos vaksin influenza untuk petugas barisan hadapan

KUALA LUMPUR: Sejumlah kira-kira 200,000 dos vaksin influenza sudah dibekalkan kepada semua negeri untuk disuntik kepada petugas yang dikenal pasti bertugas di barisan hadapan, sejak 2007 hingga awal Mei lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata vaksin berkenaan mengandungi komponen dari virus Influenza A (H3N2), Influenza A (H1N1) dan Influenza B.

Katanya, vaksin yang khusus menangani selesema bermusim itu hanya berkesan terhadap virus influenza sedia ada, bukannya melindungi individu dari jangkitan virus Influenza A (H1N1) yang menyebabkan wabak di seluruh dunia ketika ini.

"Ini kerana virus itu adalah jenis baru daripada virus influenza yang biasa, bagaimanapun, pelalian akan mengurangkan risiko individu daripada menjadi tempat virus influenza bermutasi atau dikenali sebagai 'reassortment'.

"Proses itu boleh menyebabkan virus influenza menjadi jenis yang baru, lebih bahaya dengan kesan jangkitan dan kematian berbeza," katanya menjawab soalan lisan Liang Teck Meng (BN-Simpang Renggam), di Dewan Rakyat, semalam.

Liang dalam soalnya ingin tahu mengenai jumlah anggota kakitangan kerajaan termasuk anggota polis dan askar yang menerima suntikan vaksin untuk menentang H1N1, dan sama ada ia berkesan atau sebaliknya.

Menjelas lanjut, Liow berkata, menerusi pelan kebang-



PETUGAS hospital di Kuching bersiap sedia menunggu pesakit yang dijangkiti wabak H1N1.

saan, dianggarkan sejumlah 200,000 petugas barisan hadapan akan terbabit dalam menangani wabak pandemik influenza.

Katanya, mereka terdiri daripada kakitangan kerajaan di bawah kategori anggota kesihatan dan perubatan; polis; Jabatan Pertahanan Awam (JPAM); Angkatan Tentera Malaysia (ATM); Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Jabatan Imigresen.

Beliau berkata, ketika ini

vaksin bagi menangani H1N1 masih belum dapat dihasilkan dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjangkakan ia hanya dapat disediakan sebelum penghujung tahun ini.

"Virus Influenza A (H1N1) merupakan satu virus baru dan seperti yang sudah dimaklumkan oleh pihak WHO, masa yang diperlukan untuk menghasilkan vaksin yang dimaksudkan ialah di antara tiga hingga enam bulan," katanya.